

Bil. S 15

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (BIL PERTUKARAN), 1994

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

- Gelaran dan gelaran panjang.
1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Bil Pertukaran), 1994.
- (2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah berkenaan dengan bil pertukaran, cek dan nota janji hutang dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".
- Tafsiran.
2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —
- "penerimaan" bermakna suatu penerimaan yang disempurnakan dengan serahan atau pemberitahuan ;
- "hari kelepasan bank" termasuk sebarang hari yang diisytiharkan sedemikian di bawah sebarang undang-undang bertulis dan sebarang hari Jumaat dan hari Ahad ;
- "jurubank" termasuk suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak, yang menjalankan perniagaan perbankan ;
- "si-bankrap" termasuk mana-mana orang yang estetnya terletak pada seseorang pemegang amanah atau pemegang serahhak di bawah undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan kebangkrapan ;
- "pembawa" bermakna orang yang ada dalam miliknya suatu bil atau nota yang kena dibayar kepada pembawa ;
- "bil" bermakna bil pertukaran.
- "bil Brunei" bermakna suatu bil yang disediakan kena dibayar dalam matawang Brunei ;
- "serahan" bermakna pindahan pemilikan, sebenar atau konstruktif, daripada seorang kepada seorang lain ;
- "pemegang" bermakna penerima atau penerima indorsemen suatu bil atau nota yang ada dalam miliknya bil atau nota itu, atau pembawanya ;

"pengindorsan" bermakna suatu pengindorsan yang disempurnakan dengan serahan ;

"mengeluarkan" bermakna serahan pertama suatu bil atau nota, lengkap bentuknya, kepada seseorang yang mengambilnya sebagai pemegang ;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan ;

"nota" bermakna nota janji hutang ;

"hari kelepasan awam" termasuk sebarang hari yang diisytiharkan sedemikian di bawah sebarang undang-undang bertulis ataupun dengan cara lain dan sebarang hari Jumaat dan hari Ahad ;

"guaman" termasuk tindakan, tuntutan balas dan tolakan ;

"nilai" bermakna balasan berharga.

## BAHAGIAN II

### BIL PERTUKARAN

#### Bentuk dan tafsiran

3. (1) Bil pertukaran adalah suatu perintah tanpa syarat secara bertulis, yang dialamatkan oleh seorang kepada seorang lain, yang ditandatangani oleh orang yang memberinya, yang menghendaki orang yang kepadanya ia dialamatkan supaya membayar atas permintaan atau pada masa depan yang ditetapkan atau boleh ditentukan suatu jumlah yang tentunya dengan wang kepada, atau mengikut perintah, orang tertentu, atau kepada pembawa.

Bil pertukaran ditakrifkan.

(2) Suatu suratcara yang tidak mematuhi syarat-syarat ini, atau yang memerintahkan supaya sebarang perbuatan dilakukan selain dari pembayaran wang, adalah bukan bil pertukaran.

(3) Suatu perintah untuk membayar dari suatu kumpulan wang tertentu tidaklah tanpa syarat dalam makna bab ini ; tetapi suatu perintah tak bersyarat untuk membayar, yang dihubungkan dengan

- (a) petunjuk mengenai suatu kumpulan wang tertentu yang daripadanya pesuruh bayar akan membayar balik sendiri atau suatu akaun tertentu didebitkan dengan amaun ; atau
- (b) suatu penyata urusanniaga yang menyebabkan bil itu, adalah tanpa syarat.

(4) Suatu bil tidaklah tak sah dengan sebab —

- (a) bahawa ia tidak bertarikh ;
- (b) bahawa ia tidak menyatakan nilai yang ditentukan, atau bahawa sebarang nilai telah ditentukan baginya ;
- (c) bahawa ia tidak menyatakan tempat di mana ia disediakan atau tempat di mana ia kena dibayar.

Bil dalam negeri dan asing.

4. (1) Suatu bil dalam negeri adalah bil yang, atau pada permukaannya dikatakan sebagai, —

- (a) disediakan dan juga kena dibayar di dalam Brunei ; atau
- (b) disediakan di dalam Brunei kepada seseorang yang bermastautin di dalamnya.

(2) Sebarang bil lain adalah bil asing.

(3) Melainkan jika terdapat sebaliknya pada permukaan bil itu pemegang boleh menyifatkannya sebagai bil dalam negeri.

Kesan jika berlainan pihak kepada bil adalah orang yang sama.

5. (1) Suatu bil boleh disediakan kena dibayar kepada, atau mengikut perintah penyuruh bayar ; atau ia boleh disediakan kena dibayar kepada, atau mengikut perintah, pesuruh bayar.

(2) Jika dalam suatu bil penyuruh bayar dan pesuruh bayar adalah orang yang sama, atau jika pesuruh bayar adalah orang rekaan atau seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk membuat kontrak, pemegang boleh menyifatkan suratcara itu, atas pilihannya, sama ada sebagai bil pertukaran atau sebagai nota janji hutang.

Alamat kepada pesuruh bayar.

6. (1) Pesuruh bayar mestilah dinamakan ataupun dengan cara lain dinyatakan dalam suatu bil dengan kepastian yang munasabah.

(2) Suatu bil boleh dialamatkan kepada dua pesuruh bayar atau lebih sama ada mereka adalah rakan kongsi atau tidak, tetapi suatu perintah yang dialamatkan kepada dua pesuruh bayar secara pilihan atau kepada dua pesuruh bayar atau lebih secara berturut-turut adalah bukan bil pertukaran.

Kepastian adalah dikehendaki tentang penerima.

7. (1) Jika suatu bil tidak kena dibayar kepada pembawa, penerima mestilah dinamakan ataupun dengan cara lain dinyatakan di dalamnya dengan kepastian yang munasabah.

(2) Suatu bil boleh dibuat kena dibayar kepada dua penerima atau lebih secara bersesama, atau ia boleh dibuat kena dibayar secara pilihan kepada salah seorang daripada keduanya, atau salah seorang atau beberapa orang daripada beberapa penerima. Suatu bil boleh juga dibuat kena dibayar kepada pemegang suatu jawatan pada masa itu.

(3) Jika penerima adalah orang rekaan atau tidak wujud bil itu boleh disifatkan sebagai kena dibayar kepada pembawa.

8. (1) Apabila suatu bil mengandungi perkataan-perkataan yang melarang pemindahan, atau menyatakan suatu maksud bahawa ia tidak boleh dipindahkan, ia adalah sah di antara pihak-pihak kepadanya, tetap tidak boleh diniagakan.

Bil mana  
boleh  
diniagakan.

(2) Suatu bil boleh niaga boleh kena dibayar sama ada mengikut perintah atau kepada pembawa.

(3) Suatu bil adalah kena dibayar kepada pembawa yang dinyatakan sebagai kena dibayar demikian, atau di mana pengindorsan tunggal atau terakhir adalah pengindorsan tak lengkap.

(4) Suatu bil adalah kena dibayar mengikut perintah yang dinyatakan sebagai kena dibayar demikian, atau yang dinyatakan sebagai kena dibayar kepada orang tertentu, dan tidak mengandungi perkataan-perkataan yang melarang pemindahan atau menyatakan suatu maksud bahawa ia tidak boleh dipindahkan.

(5) Jika suatu bil, sama ada pada asalnya atau dengan pengindorsan, dinyatakan sebagai kena dibayar mengikut perintah orang tertentu, dan tidak kepadanya atau mengikut perintahnya, walaupun demikian ia adalah kena dibayar kepadanya atau mengikut perintahnya atas pilihannya.

9. (1) Jumlah wang yang kena dibayar dengan suatu bil adalah suatu jumlah wang yang pasti dalam makna Perintah ini, walaupun ia dikehendaki untuk dibayar —

Jumlah wang  
yang kena  
dibayar.

- (a) dengan bunga ;
- (b) dengan ansuran tertera ;
- (c) dengan ansuran tertera, dengan suatu peruntukan bahawa apabila ingkar membayar sebarang ansuran kesemuanya hendaklah menjadi kena dibayar ;
- (d) mengikut kadar pertukaran yang dinyatakan atau mengikut kadar pertukaran yang akan ditentukan sebagaimana yang diarahkan oleh bil itu.

(2) Jika jumlah wang yang kena dibayar dinyatakan dengan perkataan-perkataan dan juga dengan angka-angka, dan terdapat perselisihan antara keduanya, maka jumlah wang yang dinyatakan dengan perkataan-perkataan adalah amaun yang kena dibayar.

(3) Jika suatu bil dinyatakan sebagai kena dibayar dengan bunga, melainkan jika suratcara itu mempersyaratkan dengan cara lain, bunga berkuatkuasa dari tarikh bil itu, dan, jika bil itu tidak bertarikh, dari pengeluarannya.

Bil adalah  
kena dibayar  
atas  
permintaan.

10. (1) Suatu bil adalah kena dibayar atas permintaan —

- (a) yang dinyatakan sebagai kena dibayar atas permintaan, atau bila tampak, atau apabila dikemukakan ; atau
- (b) di mana tiada masa pembayaran dinyatakan.

(2) Jika suatu bil diterima atau diindors apabila ia lampau tempoh, ia hendaklah, berhubung dengan penerima yang menerimanya, atau mana-mana pengindors yang mengindorsnya, dianggap suatu bil yang kena dibayar atas permintaan.

Bil adalah  
kena dibayar  
pada masa  
depan.

11. (1) Suatu bil adalah kena dibayar pada masa depan yang boleh ditentukan dalam makna Perintah ini yang dinyatakan sebagai kena dibayar —

- (a) pada suatu tempoh yang ditetapkan selepas tarikh atau tampak ;
- (b) pada suatu tempoh yang ditetapkan selepas berlakunya suatu kejadian tertentu yang pasti berlaku, walaupun masa ia berlaku tidak dapat dipastikan.

(2) Suatu suratcara yang dinyatakan sebagai kena dibayar atas luar jangka adalah bukan suatu bil, dan berlakunya kejadian itu tidak memulihkan kecacatan.

Peninggalan  
tarikh dalam  
bil yang kena  
dibayar  
selepas tarikh  
atau  
penerimaan  
selepas  
tampak.

12. Jika suatu bil yang dinyatakan sebagai kena dibayar pada suatu tempoh yang ditetapkan selepas tarikh adalah dikeluarkan tanpa tarikh, atau jika penerimaan suatu bil yang kena dibayar pada suatu tempoh yang ditetapkan selepas tampak adalah tanpa tarikh, mana-mana pemegang boleh memasukkan di dalamnya tarikh dikeluarkan atau penerimaan yang sebenar, dan bil itu hendaklah kena dibayar dengan sewajarnya :

Dengan syarat bahawa —

- (a) jika pemegang itu dengan suci hati dan dengan tidak sengaja memasukkan suatu tarikh yang salah ; dan
- (b) dalam segala hal jika suatu tarikh yang salah dimasukkan, jika bil itu kemudiannya berada dalam tangan seseorang pemegang selanjutnya,

maka bil itu tidaklah menjadi tak sah dengan sebab itu, tetapi hendaklah berkuatkuasa dan kena dibayar seolah-olah tarikh yang dimasukkan demikian adalah tarikh sebenar.

13. (1) Jika suatu bil atau suatu penerimaan atau sebarang pengindorsan ke atas suatu bil adalah bertarikh, maka tarikh itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai tarikh sebenar penyediaan, penerimaan, atau pengindorsan, mengikut mana yang berkenaan.

Tarikh  
terkawal dan  
tarikh  
tertunda.

(2) Suatu bil tidaklah tak sah hanya dengan sebab bahawa ia mempunyai tarikh terawal atau tarikh tertunda, atau bahawa ia mempunyai tarikh pada hari Ahad.

14. Jika suatu bil tidak kena dibayar atas permintaan hari bila ia kena dibayar adalah ditentukan seperti berikut :

Pengiraan  
masa  
pembayaran.

- (a) tiga hari, yang dipanggil hari tangguhan, adalah, dalam segala hal jika bil itu sendiri tidak mempersyaratkan dengan cara lain, ditambah kepada masa pembayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh bil itu, dan bil itu matang dan kena dibayar pada hari tangguhan terakhir :

Dengan syarat bahawa —

- (i) dalam hal suatu bil Brunei atau dalam hal bil-bil lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan dari masa ke semasa oleh Menteri dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan bagi maksud-maksud perenggan ini, apabila hari tangguhan terakhir jatuh pada hari Ahad, hari kelepasan awam atau hari kelepasan bank ; dan
- (ii) dalam hal sebarang bil lain apabila hari tangguhan terakhir jatuh pada hari Sabtu, hari Ahad, hari kelepasan awam atau hari kelepasan bank,

maka bil itu adalah matang dan kena dibayar pada hari perniagaan yang berikutnya ;

- (b) jika suatu bil adalah kena dibayar pada suatu tempoh yang ditetapkan selepas tarikh, selepas tampak, atau setelah berlakunya suatu kejadian tertentu, masa pembayaran adalah ditentukan dengan tidak memasukkan hari yang mulai darinya masa mula berkuatkuasa dan dengan memasukkan hari pembayaran ;
- (c) jika suatu bil adalah kena dibayar pada suatu tempoh yang ditetapkan selepas tampak, masa mula berkuatkuasa dari tarikh penerimaan jika bil itu diterima, dan dari tarikh mencatat atau memprotes jika bil itu dicatat atau diprotes atas bukan penerimaan, atau atas bukan serahan ;
- (d) istilah "bulan" dalam suatu bil bermakna bulan kalendar.

- Kes keperluan. 15. Penyuruh bayar suatu bil dan mana-mana pengindors boleh memasukkan di dalamnya nama seseorang di mana pemegang boleh menggunakannya sekiranya perlu, iaitu, sekiranya bil itu tidak dilayan atas bukan penerimaan atau bukan pembayaran. Orang itu dipanggil perujuk sekiranya perlu. Adalah atas pilihan pemegang untuk menggunakan perujuk sekiranya perlu atau tidak, sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.
- Penetapan pilihan oleh penyuruh bayar atau pengindors. 16. Penyuruh bayar suatu bil, dan mana-mana pengindors, boleh memasukkan di dalamnya suatu penetapan nyata —
- (a) yang menegatif atau menghadkan liabilitinya sendiri terhadap pemegang ;
  - (b) yang menepikan berhubung dengannya beberapa atau segala kewajipan pemegang.
- Takrifan dan perlunya penerimaan. 17. (1) Penerimaan suatu bil adalah tanda oleh pesuruh bayar mengenai persetujuannya terhadap perintah penyuruh bayar.
- (2) Suatu penerimaan adalah tak sah melainkan jika ia mematuhi syarat-syarat yang berikut, iaitu :
- (a) ia mestilah ditulis di atas bil itu dan ditandatangani oleh pesuruh bayar ; hanya tandatangan pesuruh bayar tanpa perkataan-perkataan tambahan adalah mencukupi ;
  - (b) ia mestilah tidak menyatakan bahawa pesuruh bayar akan melaksanakan janjinya dengan sebarang cara lain dari pembayaran wang.
- Masa penerimaan. 18. (1) Suatu bil boleh diterima —
- (a) sebelum ia telah ditandatangani oleh penyuruh bayar, atau meskipun dengan cara lain tidak lengkap ;
  - (b) apabila ia lampau tempoh, atas setelah ia tidak dilayan atas keengganan menerima dahulunya, atau atas bukan pembayaran.
- Tarikh penerimaan setelah tidak dilayan dahulunya. (2) Apabila suatu bil yang kena dibayar selepas tampak tidak dilayan atas bukan penerimaan, dan pesuruh bayar kemudiannya menerimanya, pemegang, sekiranya tiada sebarang perjanjian yang berlainan, berhak supaya bil itu diterima mulai dari tarikh pengemukakan pertama kepada pesuruh bayar untuk penerimaan.
- Penerimaan am dan bersyarat. 19. (1) Suatu penerimaan adalah sama ada am atau bersyarat.
- (2) Suatu penerimaan am bersetuju tanpa syarat terhadap perintah penyuruh bayar. Suatu penerimaan bersyarat dalam istilah yang nyata mengubah kuatkuasa bil yang disediakan.
- (3) Khususnya, suatu penerimaan adalah bersyarat yang merupakan —
- (a) dengan syarat, iaitu, yang menjadikan pembayaran oleh penerima bergantung kepada pelaksanaan suatu syarat yang dinyatakan di dalamnya ;

- (b) separa, iaitu, suatu penerimaan untuk membayar sebahagian sahaja dari amaun yang baginya bil itu disediakan ;
- (c) setempat, iaitu, suatu penerimaan untuk membayar hanya di suatu tempat khas yang tertentu sahaja ;
- (d) bersyarat tentang masa ;
- (e) penerimaan salah seorang pesuruh bayar atau lebih, tetapi tidak semuanya.

(4) Suatu penerimaan untuk membayar di suatu tempat tertentu adalah penerimaan am, melainkan jika ia menyatakan dengan nyata bahawa bil itu akan dibayar di sana sahaja, dan tidak di tempat lain.

20. (1) Jika suatu tandatangan biasa dalam suatu kertas kosong berselemet diserahkan oleh penandatangan agar ia boleh ditukar kepada suatu bil, ia berkuatkuasa sebagai autoriti prima facie untuk mengisikannya sebagai bil lengkap bagi sebarang amaun cukup untuk setem itu, dengan menggunakan tandatangan itu sebagai ganti tandatangan penyuruh bayar, atau penerima, atau pengindors ; dan, dengan cara yang sama, apabila suatu bil adalah tanpa sebarang butir mustahak, orang yang ada dalam miliknya bil itu mempunyai autoriti prima facie untuk mengisikan peninggalan dalam sebarang cara yang difikirkannya patut.

Suratcara tak lengkap.

(2) Bagi sebarang suratcara itu apabila dilengkapkan boleh dikuatkuasakan terhadap mana-mana orang yang menjadi suatu pihak kepadanya sebelum ia dilengkapkan, ia mestilah diisikan dalam masa yang munasabah dan betul-betul menurut autoriti yang diberikan. Masa yang munasabah bagi maksud ini adalah suatu persoalan fakta :

Dengan syarat bahawa jika sebarang suratcara itu setelah dilengkapkan diniagakan kepada seseorang pemegang selanjutnya ia hendaklah sah dan berkuatkuasa bagi segala maksud dalam tangannya, dan dia boleh menguatkuasakannya seolah-olah ia telah diisikan dalam masa yang munasabah dan betul-betul menurut autoriti yang diberikan.

21. (1) Tiap-tiap kontrak dalam suatu bil, sama ada ia kontrak penyuruh bayar, kontrak penerima, atau kontrak pengindors, adalah tidak lengkap dan boleh dibatalkan, sehingga penyerahan suratcara itu bagi menguatkuasakannya :

Penyerahan.

Dengan syarat bahawa jika suatu penerimaan ditulis dalam suatu bil, dan pesuruh bayar memberi notis kepada atau mengikut arahan orang yang berhak terhadap bil itu bahawa dia telah menerimanya, penerimaan itu kemudiannya menjadi lengkap dan tidak boleh dibatalkan.

(2) Di antara pihak-pihak terdekat, dan berhubung dengan pihak jauh selain daripada seseorang pemegang selanjutnya, penyerahan —

- (a) supaya berkuatkuasa mestilah dibuat sama ada dengan atau di bawah autoriti pihak yang menyediakan, menerima atau mengindors, mengikut mana yang berkenaan ;
- (b) boleh ditunjukkan sebagai bersyarat atau bagi suatu maksud khas sahaja, dan bukan bagi maksud memindah harta dalam bil itu.

Tetapi jika bil itu berada dalam tangan seseorang pemegang selanjutnya, penyerahan bil itu secara sah oleh semua pihak sebelum kepadanya bagi menjadikan mereka bertanggung terhadapnya adalah dianggap secara muktamad.

(3) Jika suatu bil tidak lagi berada dalam milik suatu pihak yang telah menandatangani sebagai penyuruh bayar, penerima, atau pengindors, penyerahan sah dan tanpa syarat olehnya adalah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya.

#### Keupayaan dan autoriti pihak-pihak

Keupayaan pihak-pihak.

22. (1) Keupayaan untuk menanggung liabiliti sebagai suatu pihak kepada suatu bil adalah sama luasnya dengan keupayaan untuk membuat kontrak :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apapun dalam bab ini akan membolehkan suatu pertubuhan perbadanan menjadikannya bertanggung sebagai penyuruh bayar, penerima, atau pengindors suatu bil melainkan jika layak terhadapnya untuk berbuat demikian di bawah undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan syarikat.

(2) Jika suatu bil disediakan atau diindors oleh orang yang belum cukup umur atau pertubuhan perbadanan yang tiada mempunyai keupayaan atau kuasa untuk menanggung liabiliti atas suatu bil, penyediaan atau pengindorsan itu memberikan hak kepada pemegang untuk menerima pembayaran bil itu, dan untuk menguatkuasakannya terhadap mana-mana pihak lain.

Tandatangan diperlukan bagi liabiliti.

23. Tiada sesiapaupun bertanggung sebagai penyuruh bayar, pengindors, atau penerima suatu bil yang belum menandatangani sedemikian :

Dengan syarat bahawa —

- (a) jika seseorang menandatangani suatu bil dalam suatu perdagangan atau menggunakan nama, dia bertanggung terhadapnya seolah-olah dia telah menandatangani atas namanya sendiri ;
- (b) tandatangan nama suatu firma adalah sama dengan tandatangan oleh orang yang menandatangani nama-nama semua orang yang bertanggung sebagai rakan kongsi dalam firma itu.

24. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, jika suatu tandatangan dalam suatu bil adalah palsu atau diturunkan di atasnya tanpa kebenaran orang yang tandatangan itu dikatakan sebagai tandatangannya, maka tandatangan palsu atau tanpa kebenaran itu tidak berkuatkuasa sepenuhnya, dan tiada hak untuk menyimpan bil itu atau untuk memberi pelepasan terhadapnya atau untuk menguatkuasakan pembayarannya terhadap mana-mana pihak kepada bil itu dapat diperolehi melalui atau di bawah tandatangan itu, melainkan jika pihak yang terhadapnya ia diminta untuk menyimpan atau menguatkuasakan pembayaran bil itu dicegah dari membuat tandatangan palsu atau tanpa kebenaran itu :

Tandatangan palsu atau tanpa kebenaran.

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh menyentuh pengesahan suatu tandatangan tanpa kebenaran yang tidak terjumlah kepada pemalsuan.

25. Suatu tandatangan dengan prokurasi berkuatkuasa sebagai notis bahawa agen hanya mempunyai autoriti yang terhad untuk menandatangani, dan prinsipal hanya terikat dengan tandatangan itu jika agen yang menandatangani itu telah bertindak dalam had sebenar autoritinya.

Tandatangan prokurasi.

26. (1) Jika seseorang menandatangani suatu bil sebagai penyuruh bayar, pengindors, atau penerima, dan menambah perkataan-perkataan kepada tandatangannya, dengan menyatakan bahawa dia menandatangani untuk mewakili atau bagi pihak seseorang prinsipal, atau atas sifat wakil, dia tidak bertanggung sendiri terhadapnya ; tetapi hanya dengan tambahan perkataan-perkataan kepada tandatangannya yang menyatakannya sebagai seorang agen, atau sebagai memenuhi sifat wakil, tidak mengecualikannya dari liabiliti persendirian.

Orang yang menandatangani sebagai agen atau atas sifat wakil.

(2) Dalam menentukan sama ada suatu tandatangan dalam suatu bil adalah tandatangan prinsipal atau tandatangan agen yang dengan tangannya tandatangan itu ditulis, pentafsiran yang paling baik bagi kesahan suratcara itu hendaklah diterimapakai.

#### Balasan bagi suatu bil

27. (1) Balasan berharga bagi suatu bil boleh diadakan dengan —

- (a) sebarang balasan yang mencukupi untuk menyokong suatu kontrak mudah ;
- (b) suatu hutang atau liabiliti sebelumnya ; dan hutang atau liabiliti seumpama itu adalah dianggap balasan berharga sama ada bil itu kena dibayar atas permintaan atau pada masa depan.

Nilai dan pemegang nilai.

(2) Jika nilai telah pada bila-bila masa ditentukan bagi suatu bil pemegang adalah dianggap sebagai pemegang nilai berhubung dengan penerima dan semua pihak kepada bil itu yang menjadi pihak-pihak sebelum masa tersebut.

(3) Jika pemegang suatu bil mempunyai suatu lien ke atasnya yang berbangkit sama ada dari kontrak atau dengan implikasi undang-undang, dia adalah dianggap sebagai pemegang nilai setakat jumlah wang yang baginya dia mempunyai suatu lien.

Bil atau pihak kemudahan.

28. (1) Suatu pihak kemudahan kepada suatu bil adalah orang yang telah menandatangani suatu bil sebagai penyuruh bayar, penerima, atau pengindors, tanpa menerima nilai baginya, dan bagi maksud meminjamkan namanya kepada orang lain.

(2) Suatu pihak kemudahan adalah bertanggung atas bil itu terhadap seseorang pemegang nilai ; dan adalah tidak mustahak sama ada, apabila pemegang itu mengambil bil itu, dia mengetahui pihak itu sebagai pihak kemudahan atau tidak.

Pemegang selanjutnya.

29. (1) Seseorang pemegang selanjutnya adalah pemegang yang telah mengambil suatu bil, lengkap dan teratur pada permukaannya, di bawah syarat-syarat yang berikut :

- (a) bahawa dia menjadi pemegangnya sebelum ia lampau tempoh, dan tanpa memperhatikan bahawa ia telah tidak dilayan dahulunya, jika demikian hakikatnya ;
- (b) bahawa dia mengambil bil itu dengan suci hati dan atas nilai, dan bahawa pada masa bil itu diniagakan kepadanya, dia tidak nampak sebarang kecacatan ke atas hakmilik orang yang meniagakannya.

(2) Khususnya, hakmilik seseorang yang meniagakan suatu bil adalah cacat dalam makna Perintah ini apabila dia memperoleh bil itu, atau penerimaannya, dengan tipuan, paksaan, atau kekerasan dan ketakutan, atau cara lain yang menyalahi undang-undang, atau bagi suatu balasan yang menyalahi undang-undang, atau apabila dia meniagakannya dengan tidak jujur, atau di bawah hal keadaan yang terjumlah kepada suatu tipuan.

(3) Seseorang pemegang (sama ada atas nilai atau tidak) yang memperoleh hakmiliknya ke atas suatu bil melalui seseorang pemegang selanjutnya, dan yang dia sendiri bukan suatu pihak kepada sebarang tipuan atau kepenyalahan undang-undang yang menentukannya, mempunyai segala hak pemegang selanjutnya itu berhubung dengan penerima dan semua pihak kepada bil itu sebelum pemegang itu.

Anggapan nilai dan suci hati.

30. (1) Tiap-tiap pihak yang tandatangannya terdapat dalam suatu bil adalah prima facie dianggap telah menjadi suatu pihak kepadanya atas nilai.

(2) Tiap-tiap pemegang suatu bil adalah prima facie dianggap sebagai pemegang selanjutnya ; tetapi jika dalam suatu tindakan ke atas suatu bil adalah diakui atau dibuktikan bahawa penerimaan, pengeluaran, atau niagaan kemudiannya bil itu adalah terjejas dengan tipuan, paksaan, atau kekerasan dan ketakutan, atau kepenyalahan undang-undang, maka beban membuktikannya berubah, melainkan jika pemegang itu membuktikan bahawa, berikutan dengan tipuan atau kepenyalahan undang-undang yang dikatakan itu, nilai telah dengan suci hati ditentukan bagi bil itu.

### Niagaan bil

31. (1) Suatu bil adalah diniagakan apabila ia dipindahkan daripada seorang kepada seorang lain secara yang akan menjadikan penerima pindahan sebagai pemegang bil itu.

Niagaan bil.

(2) Suatu bil yang kena dibayar kepada pembawa adalah diniagakan dengan serahan.

(3) Suatu bil yang kena dibayar mengikut perintah adalah diniagakan dengan pengindorsan pemegang yang disempurnakan dengan serahan.

(4) Jika pemegang suatu bil yang kena dibayar mengikut perintahnya memindahkannya atas nilai tanpa mengindorsnya, pemindahan itu memberikan kepada penerima pindahan hakmilik sebagaimana yang dipunyai oleh pemindah ke atas bil itu, dan penerima pindahan selain itu memperoleh hak mendapat pengindorsan pemindah.

(5) Jika mana-mana orang berkewajipan untuk mengindors suatu bil atas sifat wakil, dia boleh mengindors bil itu atas syarat-syarat yang menegatif liabiliti diri.

32. Suatu pengindorsan bagi menguatkuasakan sebagai suatu niagaan mestilah mematuhi syarat-syarat yang berikut :

Perlunya pengindorsan yang sah.

- (a) ia mestilah ditulis dalam bil itu sendiri dan ditandatangani oleh pengindors ; tandatangan biasa pengindors dalam bil itu, tanpa perkataan-perkataan tambahan, adalah mencukupi ; suatu pengindorsan yang ditulis dalam suatu allonge, atau dalam satu "salinan" suatu bil yang dikeluarkan atau diniagakan di sesebuah negara di mana "salinan-salinan" adalah diiktiraf, dianggap sebagai ditulis dalam bil itu sendiri ;
- (b) ia mestilah suatu pengindorsan seluruh bil itu ; suatu pengindorsan separa, iaitu, suatu pengindorsan yang dikatakan memindahkan kepada penerima indorsemen sebahagian sahaja dari amaun yang kena dibayar, atau yang dikatakan memindahkan bil itu kepada dua atau lebih penerima indorsemen secara berasingan, tidak berkuatkuasa sebagai suatu niagaan bil itu ;
- (c) jika suatu bil adalah kena dibayar mengikut perintah dua atau lebih penerima atau penerima indorsemen yang bukan rakan kongsi, semuanya mestilah mengindors melainkan jika orang yang mengindors itu mempunyai autoriti untuk mengindors bagi pihak yang lain ;

- (d) jika, dalam suatu bil yang kena dibayar mengikut perintah, penerima atau penerima indorsemen tersalah ditetapkan, atau namanya tersalah eja, dia boleh mengindors bil itu sebagaimana yang diperihalkan di dalamnya, dengan menurunkan, jika difikirkannya patut, tandatangannya yang sebenar ;
- (e) jika ada dua atau lebih pengindorsan dalam suatu bil, tiap-tiap pengindorsan adalah dianggap telah dibuat mengikut perintah yang terdapat dalam bil itu, sehingga dibuktikan sebaliknya ;
- (f) suatu pengindorsan boleh dibuat secara tak lengkap atau khas ; ia boleh juga mengandungi syarat yang menjadikannya terbatas.

Pengindorsan bersyarat. 33. Jika suatu bil dikatakan sebagai diindors secara bersyarat, syarat itu boleh diketepikan oleh pembayar, dan pembayaran kepada penerima indorsemen adalah sah sama ada syarat itu telah dipenuhi atau tidak.

Pengindorsan tak lengkap dan pengindorsan khas. 34. (1) Suatu pengindorsan tak lengkap tiada menyatakan penerima indorsemen, dan suatu bil yang diindors demikian menjadi kena dibayar kepada pembawa.

(2) Suatu pengindorsan khas menyatakan orang yang kepadanya, atau yang mengikut perintahnya, bil itu kena dibayar.

(3) Peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan seseorang penerima adalah dikenakan dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu kepada seseorang penerima indorsemen di bawah suatu pengindorsan khas.

(4) Apabila suatu bil telah diindors tak lengkap, mana-mana pemegang boleh menukar pengindorsan tak lengkap itu kepada suatu pengindorsan khas dengan menulis di atas tandatangan pengindors suatu arahan untuk membayar bil itu kepada atau mengikut perintahnya sendiri atau orang lain.

Pengindorsan terbatas. 35. (1) Suatu pengindorsan adalah terbatas yang melarang niagaan lanjut bil itu atau yang menyatakan bahawa ia hanya merupakan autoriti untuk memperniagakan bil itu sebagaimana yang diarahkan olehnya dan bukan suatu pindahan pemilikannya, sebagai misalnya, jika suatu bil diindors "Bayar D sahaja", atau "Bayar D bagi akaun X", atau "Bayar D atau perintah untuk kutipan".

(2) Suatu pengindorsan terbatas memberikan kepada penerima indorsemen hak untuk menerima pembayaran bil itu dan untuk mendakwa mana-mana pihak kepadanya bahawa pengindorsnya mungkin telah mendakwa, tetapi tidak memberinya kuasa untuk memindahkan hak-haknya sebagai penerima indorsemen melainkan jika ia dengan nyata memberinya kuasa untuk berbuat demikian.

(3) Jika suatu pengindorsan terbatas membenarkan pindahan lanjut, semua penerima indorsemen yang kemudiannya mengambil bil itu dengan hak-hak yang sama dan tertakluk kepada liabiliti-liabiliti yang sama sebagaimana penerima indorsemen pertama di bawah pengindorsan terbatas itu.

36. (1) Jika suatu bil boleh diniagakan pada asalnya ia terus boleh diniagakan sehingga ia telah —

- (a) diindors secara terbatas ; atau
- (b) dilepaskan dengan pembayaran ataupun dengan cara lain.

Niagaan bil lampau tempoh atau tak layan.

(2) Jika suatu bil lampau tempoh diniagakan, ia hanya boleh diniagakan tertakluk kepada sebarang kecacatan hakmilik yang menyentuhnya pada kematangannya, dan mulai dari waktu itu tiada sesiapa pun yang mengambilnya dapat memperoleh atau memberi hakmilik yang lebih baik dari hakmilik yang dipunyai oleh orang yang daripadanya dia mengambilnya.

(3) Suatu bil yang kena dibayar atas permintaan adalah dianggap sebagai lampau tempoh dalam makna dan bagi maksud-maksud bab ini, apabila terdapat pada permukaannya telah berada dalam edaran bagi suatu tempoh masa yang tidak munasabah. Berapakah suatu tempoh masa yang tidak munasabah bagi maksud ini adalah satu persoalan fakta.

(4) Kecuali jika suatu pengindorsan mempunyai tarikh selepas kematangan bil itu, setiap niagaan adalah prima facie dianggap telah dilakukan sebelum bil itu lampau tempoh.

(5) Jika suatu bil yang tidak lampau tempoh telah tidak dilayan, mana-mana orang yang mengambilnya dengan notis tak layan mengambilnya tertakluk kepada sebarang kecacatan hakmilik yang berkaitan dengannya pada masa ia tidak dilayan, tetapi tiada sebarang apapun dalam ceraihan ini boleh menyentuh hak-hak seseorang pemegang selanjutnya.

37. Jika suatu bil diniagakan balik kepada penyuruh bayar, atau kepada pengindors terdahulu atau kepada penerima, pihak itu boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, mengeluarkan semula dan seterusnya meniagakan bil itu, tetapi dia tidak berhak untuk menguatkuasakan pembayaran bil itu ke atas mana-mana pihak yang campur tangan yang terhadapnya dia bertanggung dahlunya.

Niagaan bil kepada pihak yang telahpun bertanggung terhadapnya.

38. (1) Hak-hak dan kuasa-kuasa pemegang suatu bil adalah seperti berikut :

Hak-hak pemegang.

- (a) dia boleh mendakwa atas bil itu atas namanya sendiri ;

(b) jika dia adalah pemegang selanjutnya, dia memegang bil itu bebas dari sebarang kecacatan hakmilik pihak-pihak terdahulu, dan juga hanya dari pembelaan diri yang ada pada pihak-pihak terdahulu di kalangan mereka sendiri, dan boleh menguatkuasakan pembayaran terhadap semua pihak yang bertanggung atas bil itu.

(2) jika hakmilik pemegang adalah cacat —

(a) jika dia meniagakan bil itu kepada seseorang pemegang selanjutnya, pemegang tersebut mendapat hakmilik yang sah dan penuh terhadap bil itu ; dan

(b) jika dia mendapat pembayaran bil itu, orang yang membayarnya selanjutnya memperolehi pelepasan yang sah bagi bil itu.

#### Kewajipan-kewajipan am pemegang

Bila pengemukaan bagi penerimaan diperlukan.

39. (1) Jika suatu bil kena dibayar selepas tampak, pengemukaan bagi penerimaan adalah perlu bagi menetapkan kematangan suratcara itu.

(2) Jika suatu bil menetapkan dengan nyata bahawa ia hendaklah dikemukakan bagi penerimaan, atau jika suatu bil disediakan yang kena dibayar di tempat lain dari di tempat kediaman atau tempat perniagaan pesuruh bayar, ia mestilah dikemukakan bagi penerimaan sebelum ia dapat dikemukakan bagi pembayaran.

(3) Tidak sekali-kali pengemukaan bagi penerimaan diperlukan bagi menjadikan mana-mana pihak kepada bil itu bertanggung.

(4) Jika pemegang suatu bil, yang disediakan kena dibayar di tempat lain dari di tempat perniagaan atau kediaman pesuruh bayar, tidak mempunyai masa, dengan menjalankan usaha yang munasabah, untuk mengemukakan bil itu bagi penerimaan sebelum mengemukakannya bagi pembayaran pada hari ia kena dibayar, kelewatan yang berlaku dengan mengemukakan bil itu bagi penerimaan sebelum mengemukakannya bagi pembayaran adalah dikecualikan, dan tidak melepaskan penyuruh bayar dan pengindors.

Masa bagi mengemukakan bil yang kena dibayar selepas tampak.

40. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, apabila suatu bil yang kena dibayar selepas tampak diniagakan, pemegang mestilah sama ada mengemukakannya bagi penerimaan atau meniagakannya dalam masa yang munasabah.

(2) Jika dia tidak berbuat demikian, penyuruh bayar dan semua pengindors sebelum pemegang tersebut adalah dilepaskan.

(3) Dalam menentukan berapakah masa yang munasabah dalam makna bab ini, perhatian hendaklah diambil terhadap jenis bil itu, kelaziman perdagangan berkenaan dengan bil-bil yang sama, dan fakta-fakta mengenai kes tertentu.

41. (1) Suatu bil sempurna dikemukakan bagi penerimaan yang dikemukakan menurut aturan-aturan yang berikut :

Aturan-aturan mengenai pengemukaan bagi penerimaan dan alasan kerana tidak mengemukakan.

- (a) pengemukaan mestilah dibuat oleh atau bagi pihak pemegang kepada pesuruh bayar atau kepada seseorang yang diberi kuasa untuk menerima atau menolak penerimaan bagi pihaknya pada waktu yang munasabah pada hari perniagaan dan sebelum bil itu lampau tempoh ;
- (b) jika suatu bil dialamatkan kepada dua atau lebih pesuruh bayar, yang bukan rakan kongsi, pengemukaan mestilah dibuat kepada mereka semua, melainkan jika seseorang itu mempunyai autoriti untuk menerima bagi pihak semua, maka pengemukaan boleh dibuat kepadanya sahaja ;
- (c) jika pesuruh bayar mati, pengemukaan boleh dibuat kepada wakil dirinya ;
- (d) jika pesuruh bayar bankrap, pengemukaan boleh dibuat kepadanya atau kepada pemegang amanah atau pemegang hartanya ;
- (e) jika diberi kuasa dengan persetujuan atau kelaziman, suatu pengemukaan melalui pejabat pos adalah mencukupi.

(2) Pengemukaan menurut aturan-aturan ini adalah dikecualikan, dan suatu bil boleh disifatkan sebagai tidak dilayan atas bukan penerimaan —

- (a) jika pesuruh bayar mati atau bankrap, atau orang rekaan atau seorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk membuat kontrak dengan bil ;
- (b) jika, setelah menjalankan usaha yang munasabah, pengemukaan itu tidak dapat dilakukan ;
- (c) jika, walaupun pengemukaan tidak mengikut aturan, penerimaan telah ditolak atas sesuatu alasan lain.

(3) Fakta bahawa pemegang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa bil itu, atas pengemukaan, tidak akan dilayan tidak mengecualikan pengemukaan.

42. Jika suatu bil sempurna dikemukakan bagi penerimaan dan tidak diterima dalam masa biasa, orang yang mengemukakannya mestilah menyifatkannya sebagai tidak dilayan atas bukan penerimaan. Jika dia tidak, pemegang akan kehilangan haknya untuk mengambil tindakan terhadap pesuruh bayar dan pengindors.

Bukan penerimaan.

- Tidak dilayan atas bukan penerimaan dan akibatnya.
43. (1) Suatu bil tidak dilayan atas bukan penerimaan —
- (a) apabila ia sempurna dikemukakan bagi penerimaan, dan penerimaan seumpama itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Perintah ini ditolak atau tidak dapat diperolehi ; atau
  - (b) apabila pengemukakan bagi penerimaan dikecualikan dan bil itu tidak diterima.
- (2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini apabila suatu bil tidak dilayan atas bukan penerimaan, hak untuk mengambil tindakan dengan serta-merta terhadap penyuruh bayar dan pengindors terakru kepada pemegang, dan tiada pengemukakan bagi pembayaran diperlukan.
- Kewajipan-kewajipan mengenai penerimaan bersyarat.
44. (1) Pemegang suatu bil boleh enggan mengambil suatu penerimaan bersyarat, dan jika dia tidak memperolehi suatu penerimaan tak bersyarat, boleh menyifatkan bil itu sebagai tidak dilayan atas bukan penerimaan.
- (2) Jika suatu penerimaan bersyarat diambil, dan penyuruh bayar atau seseorang pengindors telah tidak memberi kuasa dengan nyata atau tersirat kepada pemegang untuk mengambil suatu penerimaan bersyarat, atau kemudiannya tidak bersetuju dengannya, penyuruh bayar atau pengindors itu adalah dilepaskan dari liabilitinya atas bil itu. Ceraian ini tidak dikenakan kepada suatu penerimaan separa di mana notis yang sewajarnya telah diberikan. Jika suatu bil asing telah diterima tentang sebahagiannya, ia mestilah diprotes tentang bakinya.
- (3) Apabila penyuruh bayar atau pengindors suatu bil menerima notis suatu penerimaan bersyarat, dan tidak, dalam masa yang munasabah, menyatakannya kepada pemegang, dia hendaklah dianggap telah bersetuju dengannya.
- Aturan-aturan mengenai pengemukakan bagi pembayaran.
45. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu bil mestilah sempurna dikemukakan bagi pembayaran. Jika ia tidak dikemukakan demikian, penyuruh bayar dan pengindors hendaklah dilepaskan.
- (2) Suatu bil sempurna dikemukakan bagi pembayaran yang dikemukakan menurut aturan-aturan yang berikut :
- (a) jika bil itu tidak kena dibayar atas permintaan, pengemukakan mestilah dibuat pada hari ia kena dibayar ;

- (b) jika bil itu kena dibayar atas permintaan, maka, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, pengemukaan mestilah dibuat dalam masa yang munasabah selepas pengeluarannya bagi menjadikan penyuruh bayar bertanggung, dan dalam masa yang munasabah selepas pengindorsannya bagi menjadikan pengindors bertanggung ; dalam menentukan berapakah masa yang munasabah, perhatian hendaklah diambil terhadap jenis bil itu, kelaziman perdagangan berkenaan dengan bil-bil yang sama, dan fakta-fakta mengenai kes tertentu ;
- (c) pengemukaan mestilah dibuat oleh pemegang atau oleh seseorang yang diberi kuasa untuk menerima pembayaran bagi pihaknya pada waktu yang munasabah pada hari perniagaan, di tempat yang berkenaan sebagaimana yang ditakrifkan selepas ini, sama ada kepada orang yang ditentukan oleh bil itu sebagai pembayar, atau kepada seseorang yang diberi kuasa untuk membayar atau menolak pembayaran bagi pihaknya, jika dengan menjalankan usaha yang munasabah orang itu dapat dijumpai di sana ;
- (d) suatu bil dikemukakan di tempat yang berkenaan —
- (i) jika suatu tempat pembayaran dinyatakan dalam bil itu dan bil itu dikemukakan di sana ;
- (ii) jika tiada tempat pembayaran dinyatakan, tetapi alamat pesuruh bayar atau penerima diberikan dalam bil itu, dan bil itu dikemukakan di sana ;
- (iii) jika tiada tempat pembayaran dinyatakan dan tiada alamat diberikan, dan bil itu dikemukakan di tempat perniagaan pesuruh bayar atau penerima jika diketahui, dan jika tidak, di tempat kediamannya yang biasa jika diketahui ;
- (iv) dalam sebarang hal lain, jika dikemukakan kepada pesuruh bayar atau penerima di mana sahaja dia dapat dijumpai, atau jika dikemukakan di tempat perniagaan atau kediamannya yang terakhir diketahui :
- (e) jika suatu bil dikemukakan di tempat yang berkenaan, dan, setelah menjalankan usaha yang munasabah, tiada sesiapa pun yang diberi kuasa untuk membayar atau menolak pembayaran dapat dijumpai di sana, tiada pengemukaan lanjut kepada pesuruh bayar atau penerima dikehendaki ;

- (f) jika suatu bil disediakan kepada, atau diterima oleh dua orang atau lebih yang bukan rakan kongsi, dan tiada tempat pembayaran dinyatakan, pengemukaan mestilah dibuat kepada mereka semua ;
- (g) jika pesuruh bayar atau penerima suatu bil mati, dan tiada tempat pembayaran dinyatakan, pengemukaan mestilah dibuat kepada seseorang wakil diri, jika wakil diri itu ada, dan, dengan menjalankan usaha yang munasabah, dia dapat dijumpai ;
- (h) jika diberi kuasa dengan persetujuan atau kelaziman, suatu pengemukaan melalui pejabat pos adalah mencukupi.

Alasan kerana kelewatan atau bukan pengemukaan bagi pembayaran

46. (1) Kelewatan dalam membuat pengemukaan bagi pembayaran adalah diketepikan apabila kelewatan itu disebabkan oleh hal keadaan di luar kawalan pemegang, dan tidak boleh dikaitkan dengan keingkaran, salah laku, atau kecuaiannya. Apabila sebab kelewatan terhenti daripada berkuatkuasa, pengemukaan mestilah dibuat dengan usaha yang munasabah.

(2) Pengemukaan bagi pembayaran adalah dikecualikan —

- (a) jika, setelah menjalankan usaha yang munasabah, pengemukaan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Perintah ini, tidak dapat dilakukan ;
- (b) jika pesuruh bayar adalah orang rekaan ;
- (c) berkenaan dengan penyuruh bayar, jika pesuruh bayar atau penerima tidak terikat, di antaranya dan penyuruh bayar, untuk menerima atau membayar bil itu, dan penyuruh bayar tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa bil itu akan dibayar jika dikemukakan ;
- (d) berkenaan dengan seseorang pengindors, jika bil itu telah diterima atau dibuat untuk kemudahan pengindors tersebut, dan dia tidak mempunyai sebab untuk menjangkakan bahawa bil itu akan dibayar jika dikemukakan ;
- (e) dengan penepian atau pengemukaan, nyata atau tersirat.

(3) Fakta bahawa pemegang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa bil itu, atas pengemukaan, tidak akan dilayan, tidak mengecualikan keperluan bagi pengemukaan.

47. (1) Suatu bil tidak dilayan atas bukan pembayaran —
- Tidak dilayan  
atas bukan  
pembayaran.
- (a) apabila ia sempurna dikemukakan bagi pembayaran dan pembayaran ditolak atau tidak dapat diperolehi ;
- (b) apabila pengemukakan dikecualikan dan bil itu lampau tempoh dan belum dibayar.
- (2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, apabila suatu bil tidak dilayan atas bukan pembayaran, hak untuk mengambil tindakan dengan serta-merta terhadap penyuruh bayar dan pengindors terakru kepada pemegang.
48. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, apabila suatu bil telah tidak dilayan atas bukan penerimaan atau atas bukan pembayaran, notis tak layan mestilah diberikan kepada penyuruh bayar dan tiap-tiap pengindors, dan mana-mana penyuruh bayar atau pengindors yang tidak diberi notis itu adalah dilepaskan :
- Notis tak  
layan dan  
kesan tanpa  
notis.
- Dengan syarat bahawa —
- (a) jika suatu bil tidak dilayan atas bukan penerimaan, dan notis tak layan tidak diberikan, hak seseorang pemegang selanjutnya berikutan peninggalan itu hendaklah tidak tersentuh dengan peninggalan itu ;
- (b) jika suatu bil tidak dilayan atas bukan penerimaan, dan notis tak layan yang sewajarnya diberikan, tidaklah perlu untuk memberi notis tak layan yang berikutnya atas bukan pembayaran melainkan jika bil itu dalam pada itu telah diterima.
49. Notis tak layan, bagi menjadikannya sah dan berkuatkuasa, mestilah diberikan menurut aturan-aturan yang berikut :
- Aturan-aturan  
mengenai  
notis tak  
layan.
- (a) notis itu mestilah diberikan oleh atau bagi pihak pemegang, atau oleh atau bagi pihak seseorang pengindors yang, pada masa memberinya, bertanggung sendiri atas bil itu ;
- (b) notis tak layan boleh diberikan oleh seseorang agen sama ada atas namanya sendiri, atau atas nama mana-mana pihak yang berhak untuk memberi notis, sama ada pihak itu adalah prinsipalnya atau tidak ;
- (c) jika notis itu diberikan oleh atau bagi pihak pemegang, ia berkuatkuasa untuk faedah semua pemegang yang kemudiannya dan semua pengindors terdahulu yang mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang diberi notis itu ;

- (d) jika notis diberikan oleh atau bagi pihak seseorang pengindors yang berhak untuk memberi notis sebagaimana yang dipersyaratkan sebelum ini, ia berkuatkuasa untuk faedah pemegang dan semua pengindors berikutan dengan pihak yang diberi notis ;
- (e) notis itu boleh diberikan secara bertulis atau dengan perhubungan persendirian, dan boleh diberikan atas sebarang syarat yang mengenalpasti dengan secukupnya bil itu dan menerangkan bahawa bil itu telah tidak dilayan atas bukan penerimaan atau bukan pembayaran ;
- (f) pengembalian suatu bil yang tidak dilayan kepada penyuruh bayar atau seseorang pengindors adalah, pada titik bentuknya, dianggap notis tak layan yang mencukupi ;
- (g) suatu notis bertulis tidak perlu ditandatangani, dan suatu notis bertulis yang tidak mencukupi boleh ditambah dan disahkan dengan perhubungan lisan ; salah perihalan bil itu hendaklah tidak membatalkan notis itu melainkan jika pihak yang diberi notis itu sebenarnya terkeliru olehnya ;
- (h) jika notis tak layan dikehendaki untuk diberikan kepada mana-mana orang, ia boleh diberikan sama ada kepada pihak itu sendiri, atau kepada agennya bagi maksud itu ;
- (i) jika penyuruh bayar atau pengindors mati, dan pihak yang memberi notis mengetahuinya, notis itu mestilah diberikan kepada seseorang wakil diri jika wakil diri itu ada, dan dengan menjalankan usaha yang munasabah dia dapat dijumpai ;
- (j) jika penyuruh bayar atau pengindors bankrap, notis boleh diberikan sama ada kepada pihak itu sendiri atau kepada pemegang amanah ;
- (k) jika terdapat dua atau lebih penyuruh bayar atau pengindors yang bukan rakan kongsi, notis mestilah diberikan kepada tiap-tiap seorang daripada mereka, melainkan jika salah seorang daripada mereka mempunyai autoriti untuk menerima notis itu bagi pihak yang lainnya ;
- (l) notis itu boleh diberikan sebaik sahaja bil itu tidak dilayan dan mestilah diberikan dalam masa yang munasabah selepas itu ; sekiranya tiada hal keadaan yang khas notis tidak dianggap telah diberikan dalam masa yang munasabah melainkan —

- (i) jika orang yang memberi dan orang yang akan menerima notis tinggal di tempat yang sama, notis itu diberikan atau dihantar tepat pada waktunya sampai kepada orang yang disebut kemudian pada hari setelah bil itu tidak dilayan ;
- (ii) jika orang yang memberi dan orang yang akan menerima notis tinggal di tempat-tempat yang berlainan, notis itu dihantar pada hari setelah bil itu tidak dilayan, jika terdapat pos pada waktu yang sesuai pada hari itu, dan jika tiada terdapat pos pada hari itu, maka dengan pos yang berikutnya selepas itu ;
- (m) jika suatu bil apabila tidak dilayan berada dalam tangan seseorang agen, dia boleh sama ada memberi sendiri notis kepada pihak-pihak yang bertanggung atas bil itu, atau dia boleh memberi notis kepada prinsipalnya ; jika dia memberi notis kepada prinsipalnya, dia mestilah berbuat demikian dalam masa yang sama seolah-olah dia adalah pemegang, dan prinsipal itu sendiri apabila menerima notis itu mempunyai masa yang sama bagi memberi notis seolah-olah agen itu adalah seorang pemegang bebas ;
- (n) jika suatu pihak kepada suatu bil menerima notis tak layan yang sewajarnya dia mempunyai, setelah menerima notis itu, tempoh masa yang sama bagi memberi notis kepada pihak-pihak sebelumnya yang pemegang mempunyai setelah bil itu tidak dilayan.
- (o) jika suatu notis tak layan sempurna dialamatkan dan dipos, pengirimnya dianggap telah memberi notis tak layan yang sewajarnya walaupun sebarang kegagalan menghantarnya dilakukan oleh pejabat pos.

50. (1) Kelewatan dalam memberi notis tak layan adalah diketepikan jika kelewatan itu disebabkan oleh hal keadaan di luar kawalan pihak yang memberi notis, dan tidak boleh dikaitkan dengan keingkaran, salah laku atau kecuaiannya. Apabila sebab kelewatan terhenti daripada berkuatkuasa notis itu mestilah diberikan dengan usaha yang munasabah.

Alasan kerana kelewatan memberi notis tak layan.

(2) Notis tak layan adalah dikecualikan —

- (a) apabila, setelah menjalankan usaha yang munasabah, notis, sebagaimana yang dikehendaki oleh Perintah ini, tidak dapat diberikan kepada atau tidak sampai kepada penyuruh bayar atau pengindors yang meminta untuk dipertanggungjawabkan ;

- (b) dengan penepian nyata atau tersirat ; notis tak layan boleh diketepikan sebelum masa memberi notis telah sampai, atau setelah tidak memberi notis yang sewajarnya ;
- (c) berkenaan dengan penyuruh bayar dalam hal-hal yang berikut :
  - (i) jika penyuruh bayar dan pesuruh bayar adalah orang yang sama ;
  - (ii) jika penyuruh bayar adalah orang rekaan atau seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk membuat kontrak ;
  - (iii) jika penyuruh bayar adalah orang yang kepadanya bil itu dikemukakan bagi pembayaran ;
  - (iv) jika pesuruh bayar atau penerima adalah di antaranya dan penyuruh bayar tiada berkewajipan untuk menerima atau membayar bil itu ;
  - (v) jika penyuruh bayar mendapat pembayaran terbatal.
- (d) berkenaan dengan pengindors dalam hal-hal yang berikut :
  - (i) jika pesuruh bayar adalah orang rekaan atau seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk membuat kontrak dan pengindors telah menyedari fakta tersebut pada masa dia mengindors bil itu ;
  - (ii) jika pengindors adalah orang yang kepadanya bil itu dikemukakan bagi pembayaran ;
  - (iii) jika bil itu telah diterima atau dibuat bagi kemudahannya.

Mencatat atau memprotes bil.

51. (1) Jika suatu bil dalam negeri telah tidak dilayan ia boleh, jika pemegang memikirkan patut, dicatat atas bukan penerimaan atau bukan pembayaran, mengikut mana yang berkenaan ; tetapi tidaklah perlu untuk mencatat atau memprotes sebarang bil itu bagi mengekalkan pengambilan tindakan terhadap penyuruh bayar atau pengindors.

(2) Jika suatu bil asing, terdapat pada permukaannya sedemikian, telah tidak dilayan atas bukan penerimaan, ia mestilah sempurna diprotes atas bukan penerimaan, dan jika bil seumpama itu, yang telah tidak dilayan dahulunya atas bukan penerimaan, tidak dilayan atas bukan pembayaran, ia mestilah sempurna diprotes atas bukan pembayaran. Jika ia tidak diprotes, penyuruh bayar dan pengindors adalah dilepaskan. Jika suatu bil tidak terdapat, pada permukaannya, sebagai bil asing, protes mengenainya sekiranya tidak dilayan adalah tidak perlu.

(3) Suatu bil yang telah diprotes atas bukan penerimaan boleh kemudiannya diprotes atas bukan pembayaran.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, apabila suatu bil dicatat atau diprotes, ia boleh dicatat pada hari ia tidak dilayan dan mestilah dicatat tidak lewat dari hari perniagaan yang berikutnya. Apabila suatu bil telah sempurna dicatat, protes boleh kemudiannya dilanjutkan mulai dari tarikh mencatat.

(5) Jika penerima suatu bil menjadi bankrap atau tak berkemampuan membayar atau menggantung pembayaran sebelum ia matang, pemegang boleh menyebabkan supaya bil itu diprotes bagi jaminan yang lebih baik terhadap penyuruh bayar dan pengindors.

(6) Suatu bil mestilah diprotes di tempat di mana ia tidak dilayan :

Dengan syarat bahawa —

- (a) apabila suatu bil dikemukakan melalui Pejabat Pos, dan dikembalikan melalui pos kerana tidak dilayan, ia boleh diprotes di tempat di mana ia dikembalikan dan pada hari ia dikembalikan, jika diterima pada waktu perniagaan, dan jika tidak diterima pada waktu perniagaan, maka tidak lewat dari hari perniagaan yang berikutnya ; dan
- (b) apabila suatu bil yang disediakan kena dibayar di tempat perniagaan atau kediaman seseorang selain daripada pesuruh bayar telah tidak dilayan atas bukan penerimaan, ia mestilah diprotes atas bukan pembayaran di tempat di mana ia dinyatakan kena dibayar, dan tiada pengemukaan lanjut bagi pembayaran kepada, atau permintaan ke atas, pesuruh bayar diperlukan.

(7) Suatu protes mestilah mengandungi satu salinan bil itu, dan mestilah ditandatangani oleh notari yang membuatnya, dan mestilah menyatakan —

- (a) orang yang atas permintaannya bil itu diprotes ;
- (b) tempat dan tarikh protes, sebab atau alasan memprotes bil itu, permintaan yang dibuat, dan jawapan yang diberikan, jika ada, atau fakta bahawa pesuruh bayar atau penerima tidak dapat dijumpai.

(8) Jika suatu bil hilang atau dimusnahkan, atau ditahan dengan salah daripada orang yang berhak memegangnya, protes boleh dibuat dalam butir-butir salinan atau bertulisnya.

(9) Protes adalah dikecualikan atas sebarang hal keadaan yang akan mengecualikan notis tak layan. Kelewatan dalam mencatat atau memprotes adalah diketepikan apabila kelewatan itu disebabkan oleh hal keadaan di luar kawalan pemegang, dan tidak boleh dikaitkan dengan keingkaran, salah laku atau kecuaiannya. Apabila sebab kelewatan itu terhenti daripada berkuatkuasa, bil itu mestilah dicatat atau diprotes dengan usaha yang munasabah.

Kewajipan-kewajipan pemegang berhubung dengan pesuruh bayar atau penerima.

52. (1) Apabila suatu bil diterima pada amnya, pengemukaan bagi pembayaran tidak diperlukan bagi menjadikan penerima bertanggung.

(2) Apabila menurut syarat suatu penerimaan bersyarat pengemukaan bagi pembayaran dikehendaki, penerima, sekiranya tiada suatu penetapan yang nyata bagi maksud itu, adalah tidak dilepaskan kerana tiada mengemukakan bil itu bagi pembayaran pada hari ia matang.

(3) Bagi menjadikan penerima suatu bil bertanggung, adalah tidak perlu untuk memprotesnya, atau notis tak layan seharusnya diberikan kepadanya.

(4) Jika pemegang suatu bil mengemukakannya bagi pembayaran, dia hendaklah menunjukkan bil itu kepada orang yang daripadanya dia meminta pembayaran, dan apabila suatu bil dibayar, pemegang hendaklah dengan serta-merta menyerahkannya kepada pihak yang membayarnya.

#### Liabiliti pihak-pihak

Kumpulan-wang dalam tangan pesuruh bayar.

53. Suatu bil itu sendiri, tidak berkuatkuasa sebagai suatu penyerahan hak kumpulanwang dalam tangan pesuruh bayar yang tersedia bagi pembayarannya, dan pesuruh bayar suatu bil yang tidak menerima sebagaimana yang dikehendaki oleh Perintah ini tidak bertanggung atas suratcara itu.

Liabiliti penerima.

54. Penerima suatu bil, dengan menerimanya —

- (a) berjanji bahawa dia akan membayarnya mengikut maksud penerimaannya ;
- (b) adalah dicegah dari menafikan kepada seseorang pemegang selanjutnya —
  - (i) kewujudan penyuruh bayar, kesahihan tandatangannya, dan keupayaan dan autoritinya untuk menyediakan bil itu ;
  - (ii) dalam hal suatu bil yang kena dibayar mengikut perintah penyuruh bayar, keupayaan penyuruh bayar pada masa itu untuk mengindors, tetapi bukan kesahihan atau kesahan pengindorsannya ;

- (iii) dalam hal suatu bil yang kena dibayar mengikut perintah orang ketiga, kewujudan penerima dan keupayaannya pada masa itu untuk mengindors, tetapi bukan kesahihan atau kesahan pengindorsannya.

55. (1) Penyuruh bayar suatu bil, dengan menyediakannya —

Liabiliti  
penyuruh  
bayar atau  
pengindors.

- (a) berjanji bahawa atas pengemukaan yang sewajarnya ia hendaklah diterima dan dibayar mengikut maksudnya, dan bahawa jika ia tidak dilayan, dia akan membayar pampasan kepada pemegang atau mana-mana pengindors yang dipaksa untuk membayarnya, dengan syarat bahawa prosiding yang diperlukan apabila tidak dilayan diambil dengan sewajarnya ;
- (b) adalah dicegah dari menafikan kepada seseorang pemegang selanjutnya kewujudan penerima dan keupayaannya pada masa itu untuk mengindors.

(2) Pengindors suatu bil, dengan mengindorsnya —

- (a) berjanji bahawa atas pengemukaan yang sewajarnya ia hendaklah diterima dan dibayar mengikut maksudnya, dan bahawa jika ia tidak dilayan dia akan membayar pampasan kepada pemegang atau seseorang pengindors yang kemudiannya yang dipaksa untuk membayarnya, dengan syarat bahawa prosiding yang diperlukan apabila tidak dilayan diambil dengan sewajarnya ;
- (b) adalah dicegah dari menafikan kepada seseorang pemegang selanjutnya kesahihan dan keteraturan dalam segala hal tandatangan penyuruh bayar dan semua pengindorsan yang terdahulu ;
- (c) adalah dicegah dari menafikan kepada penerima indosemennya yang terdahulu atau kemudian bahawa bil itu, pada masa pengindorsannya, adalah bil yang sah dan masih ada, dan bahawa dia pada masa itu mendapat hakmilik yang sah terhadapnya.

56. Jika seseorang menandatangani suatu bil melainkan sebagai penyuruh bayar atau penerima, dia dengan itu menanggung liabiliti seseorang pengindors kepada seseorang pemegang selanjutnya.

Orang asing  
yang menan-  
datangani bil  
bertanggung  
sebagai  
pengindors.

57. Jika suatu bil tidak dilayan, ukuran ganti-rugi, yang dianggap sebagai suatu amaun yang tertentu banyaknya, adalah seperti berikut :

Ukuran  
ganti-rugi  
terhadap  
pihak-pihak  
kepada bil  
yang tidak  
dilyan.

- (a) pemegang boleh mendapatkan kembali daripada mana-mana pihak yang bertanggung atas bil itu, dan penyuruh bayar yang telah dipaksa untuk membayar bil itu boleh mendapatkan kembali daripada penerima, dan seseorang pengindors yang telah dipaksa untuk membayar bil itu boleh mendapatkan kembali daripada penerima, penyuruh bayar atau daripada seseorang pengindors yang terdahulu
  - (i) amaun bil itu ;
  - (ii) bunga ke atasnya dari masa pengemukaan bagi pembayaran jika bil itu kena dibayar atas permintaan, dan dari kematangan bil itu dalam sebarang hal lain ;
  - (iii) perbelanjaan mencatat atau, apabila protes diperlukan dan protes itu telah dilanjutkan, perbelanjaan protes ;
- (b) dalam hal suatu bil yang telah tidak dilayan di luar negeri, sebagai ganti gantirugi yang disebutkan sebelum ini, pemegang boleh mendapatkan kembali daripada penyuruh bayar atau seseorang pengindors, dan penyuruh bayar atau seseorang pengindors yang telah dipaksa untuk membayar bil itu boleh mendapatkan kembali daripada mana-mana pihak yang bertanggung terhadapnya, amaun pertukaran semula dengan bunga ke atasnya sehingga masa pembayaran ;
- (c) jika menurut Perintah ini bunga boleh didapatkan kembali sebagai gantirugi, bunga itu boleh, jika keadilan menghendakinya, ditahan kesemuanya atau sebahagiannya, dan jika suatu bil dinyatakan sebagai kena dibayar dengan bunga pada suatu kadar yang ditentukan, bunga sebagai gantirugi boleh atau tidak boleh ditentukan pada kadar yang sama sebagai bunga yang sebenar.

Pemindah  
dengan  
serahan dan  
penerima  
pindahan.

58. (1) Jika pemegang suatu bil yang kena dibayar kepada pembawa meniagakannya dengan serahan tanpa mengindorsnya, dia dipanggil "pemindah dengan serahan".

(2) Seseorang pemindah dengan serahan tidak bertanggung atas suratcara itu.

(3) Seseorang pemindah dengan serahan yang meniagikan suatu bil dengan itu menjamin kepada penerima pindahannya yang terdahulu sebagai pemegang nilai bahawa bil itu adalah apa yang dikatakan demikian, bahawa dia mempunyai hak untuk memindahkannya, dan bahawa pada masa pemindahan dia tidak menyedari akan sebarang fakta yang menjadikannya tidak bernilai.

### Pelepasan bil

59. (1) Suatu bil adalah dilepaskan dengan pembayaran selanjutnya oleh atau bagi pihak pesuruh bayar atau penerima. "Pembayaran selanjutnya" bermakna pembayaran yang dibuat pada atau selepas kematangan bil itu kepada pemegangnya dengan suci hati dan tanpa memperhatikan bahawa hakmiliknya terhadap bil itu adalah cacat.

Pembayaran selanjutnya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, apabila suatu bil dibayar oleh penyuruh bayar atau seseorang pengindors ia tidak dilepaskan ; tetapi —

- (a) jika suatu bil yang kena dibayar kepada atau mengikut perintah, pihak ketiga dibayar oleh penyuruh bayar, penyuruh bayar boleh menguatkuasakan pembayarannya terhadap penerima, tetapi tidak boleh mengeluarkan semula bil itu ;
- (b) jika suatu bil dibayar oleh seseorang pengindors, atau jika suatu bil yang kena dibayar mengikut perintah penyuruh bayar dibayar oleh penyuruh bayar, pihak yang membayarnya adalah diremit kepada hak-haknya yang dahulu berhubung dengan penerima atau pihak-pihak sebelumnya, dan dia boleh, jika difikirkannya patut, membatalkan pengindorsannya sendiri dan kemudiannya, dan meniagakan lagi bil itu.

(3) Jika suatu bil kemudahan dibayar selanjutnya oleh pihak kemudahan, bil itu adalah dilepaskan.

60. Apabila suatu bil yang kena dibayar mengikut perintah atas permintaan disediakan kepada seseorang jurubank, dan jurubank yang kepadanya bil itu disediakan membayar bil itu dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa perniagaan, adalah tidak menjadi kewajiban kepada jurubank itu untuk menunjukkan bahawa pengindorsan penerima atau sebarang pengindorsan yang kemudiannya telah dibuat oleh atau di bawah autoriti orang yang pengindorsan itu dikatakan sebagai pengindorsannya, dan jurubank itu dianggap telah membayar bil itu selanjutnya, walaupun pengindorsan itu telah dipalsukan atau dibuat tanpa autoriti.

Jurubank yang membayar draf permintaan di mana pengindorsan adalah palsu.

61. Apabila penerima suatu bil adalah atau menjadi pemegangnya pada atau selepas kematangannya, atas haknya sendiri, bil itu adalah dilepaskan.

Penerima adalah pemegang pada kematangan.

62. (1) Apabila pemegang suatu bil pada atau selepas kematangannya melepaskan hak-haknya dengan mutlak dan tanpa syarat terhadap penerima, bil itu adalah dilepaskan. Pelepasan itu nestilah secara bertulis, melainkan jika bil itu diserahkan kepada penerima.

Penepian atau pelepasan nyata.

(2) Liabiliti mana-mana pihak kepada suatu bil boleh, mengikut cara yang sama, dilepaskan oleh pemegang sebelum, pada, atau selepas kematangannya ; tetapi tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh menyentuh hak-hak seseorang pemegang selanjutnya tanpa notis pelepasan.

Pembatalan. 63. (1) Jika suatu bil dibatalkan dengan sengaja oleh pemegang atau agennya, dan pembatalan itu adalah nyata mengenainya, bil itu adalah dilepaskan.

(2) Mengikut cara yang sama mana-mana pihak yang bertanggung atas suatu bil boleh dilepaskan dengan membatalkan dengan sengaja tandatangannya oleh pemegang atau agennya. Dalam hal itu, mana-mana pengindors yang sepatutnya mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang tandatangannya dibatalkan adalah juga dilepaskan.

(3) Suatu pembatalan yang dibuat dengan tidak sengaja, atau dengan kesilapan, atau tanpa autoriti pemegang, adalah tidak berkuatkuasa ; tetapi jika suatu bil atau sebarang tandatangan di atasnya ternyata telah dibatalkan, beban untuk membuktikannya terletak pada pihak yang mengatakan bahawa pembatalan itu telah dibuat dengan tidak sengaja, atau dengan kesilapan, atau tanpa autoriti.

Perubahan bil. 64. (1) Jika suatu bil atau penerimaan diubah secara material tanpa persetujuan semua pihak yang bertanggung atas bil itu, bil itu adalah tak sah kecuali terhadap suatu pihak yang telah membuat sendiri, membenarkan atau bersetuju dengan perubahan itu, dan pengindors-pengindors yang kemudiannya :

Dengan syarat bahawa jika suatu bil telah diubah secara material, tetapi perubahan itu tidak nyata, dan bil itu berada dalam tangan seseorang pemegang selanjutnya, pemegang itu boleh menggunakan sendiri bil itu seolah-olah ia belum diubah, dan boleh menguatkuasakan pembayarannya mengikut maksud asalnya.

(2) Khasnya, perubahan-perubahan yang berikut adalah material, iaitu, sebarang perubahan tarikh, jumlah wang yang kena dibayar, masa pembayaran, tempat pembayaran dan, jika suatu bil telah diterima pada amnya, penambahan suatu tempat pembayaran tanpa persetujuan penerima.

#### **Penerimaan dan pembayaran kerana namabaik**

Penerimaan kerana namabaik selepas protes.

65. (1) Jika suatu bil pertukaran telah diprotes kerana tidak dilayan atas bukan penerimaan atau diprotes bagi jaminan yang lebih baik, dan tidak lampau tempoh, mana-mana orang, bukannya suatu pihak yang telah pun bertanggung atasnya boleh, dengan persetujuan pemegang, campur tangan dan menerima bil itu selepas protes, kerana namabaik mana-mana pihak yang bertanggung atasnya, atau kerana namabaik orang yang atas akaunnya bil itu disediakan.

(2) Suatu bil boleh diterima kerana namabaik atas sebahagiannya sahaja dari jumlah wang yang baginya bil itu disediakan.

(3) Suatu penerimaan kerana namabaik selepas protes bagi menjadikannya sah mestilah —

(a) ditulis atas bil itu, dan menyatakan bahawa ia adalah suatu penerimaan kerana namabaik, dan

(b) ditandatangani oleh penerima kerana namabaik.

(4) Jika suatu penerimaan kerana namabaik tidak menyatakan dengan nyata yang atas namabaik siapa ia dibuat, ia dianggap sebagai suatu penerimaan kerana namabaik penyuruh bayar.

(5) Jika suatu bil yang kena dibayar selepas tampak diterima kerana namabaik, kematangannya dikira dari tarikh mencatat atas bukan penerimaan, dan bukan dari tarikh penerimaan kerana namabaik.

66. (1) Penerima kerana namabaik suatu bil dengan menerimanya berjanji bahawa dia akan, atas pengemukaan yang sewajarnya, membayar bil itu mengikut maksud penerimaannya, jika ia tidak dibayar oleh pesuruh bayar, dengan syarat ia telah sempurna dikemukakan bagi pembayaran dan diprotes atas bukan pembayaran, dan bahawa dia menerima notis mengenai fakta-fakta ini.

Liabiliti  
penerima  
kerana  
namabaik.

(2) Penerima kerana namabaik adalah bertanggungjawab terhadap pemegang dan terhadap semua pihak kepada bil itu berikutan dengan pihak yang atas namabaiknya dia telah menerimanya.

67. (1) Jika suatu bil yang tidak dilayan telah diterima kerana namabaik selepas protes, atau mengandungi suatu rujukan sekiranya perlu, ia mestilah diprotes atas bukan pembayaran sebelum ia dikemukakan bagi pembayaran kepada penerima kerana namabaik, atau perujuk sekiranya perlu.

Pengemukaan  
kepada  
penerima  
kerana  
namabaik.

(2) Jika alamat penerima kerana namabaik adalah di tempat yang sama di mana bil itu diprotes atas bukan pembayaran, bil itu mestilah dikemukakan kepadanya tidak lewat dari hari berikutan dengan kematangannya ; dan jika alamat penerima kerana namabaik adalah di sesuatu tempat selain dari tempat di mana ia diprotes atas bukan pembayaran, bil itu mestilah dihantar tidak lewat dari hari berikutan dengan kematangannya untuk dikemukakan kepadanya.

(3) Kelewatan atas pengemukaan atau bukan pengemukaan adalah diketepikan dengan sebarang hal keadaan yang akan mengetepikan kelewatan atas pengemukaan bagi pembayaran atau bukan pengemukaan bagi pembayaran.

(4) Apabila suatu bil pertukaran tidak dilayan oleh penerima kerana namabaik, ia mestilah diprotes atas bukan pembayaran olehnya.

Pembayaran  
kerana  
namabaik  
selepas protes.

68. (1) Jika suatu bil telah diprotes atas bukan pembayaran, mana-mana orang boleh campur tangan dan membayarnya selepas protes kerana namabaik mana-mana pihak yang bertanggung atasnya, atau kerana namabaik orang yang atas akaunnya bil itu disediakan.

(2) Jika dua orang atau lebih menawarkan untuk membayar suatu bil kerana namabaik pihak-pihak yang berlainan, orang yang pembayarannya akan melepaskan kebanyakan pihak kepada bil itu hendaklah mendapat keutamaan.

(3) Pembayaran kerana namabaik selepas protes, bagi menguatkuasakannya sedemikian dan bukan semata-mata sebagai suatu pembayaran sukarela, mestilah diakusaksi dengan suatu perbuatan notarial namabaik yang boleh dilampirkan kepada protes atau merupakan suatu tambahannya.

(4) Perbuatan notarial namabaik mestilah diasaskan atas suatu pengakuan yang dibuat oleh pembayar kerana namabaik, atau agennya bagi maksud itu, dengan mengakui niatnya untuk membayar bil itu kerana namabaik, dan kerana namabaiknya dia membayarnya.

(5) Jika suatu bil telah dibayar kerana namabaik, semua pihak berikutan dengan pihak yang kerana namabaiknya bil itu dibayar adalah dilepaskan, tetapi pembayar kerana namabaik adalah disubrogasi dengan, dan menerima hak-hak dan juga kewajipan-kewajipan, pemegang berhubung dengan pihak yang kerana namabaiknya dia membayarnya, dan semua pihak bertanggung terhadap pihak itu.

(6) Pembayar kerana namabaik apabila membayar kepada pemegang amaun bil itu dan perbelanjaan notarial yang bersampingan dengan bil yang tidak dilayan itu adalah berhak untuk menerima bil itu sendiri dan juga protes. Jika pemegang atas permintaan tidak menyerahkannya dia hendaklah bertanggung terhadap pembayar kerana namabaik atas gantirugi.

(7) Jika pemegang suatu bil enggan menerima pembayaran selepas protes, dia akan kehilangan haknya untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang sepatutnya telah dilepaskan dengan pembayaran itu.

### Suratcara hilang

69. (1) Jika suatu bil telah hilang sebelum ia lampau tempoh, orang yang menjadi pemegangnya boleh memohon kepada penyuruh bayar supaya memberinya satu lagi bil yang sama maksudnya, dengan memberi jaminan kepada penyuruh bayar jika dikehendaki untuk menanggungnya rugi terhadap semua orang apapun sekiranya bil yang dikatakan telah hilang itu dijumpai semula.

Hak pemegang untuk menyalin bil yang hilang.

(2) Jika penyuruh bayar atas permintaan sebagaimana yang disebutkan di atas enggan memberi bil salinan itu, dia boleh dipaksa untuk berbuat demikian.

70. Dalam sebarang guaman atau prosiding atas suatu bil, mahkamah atau seseorang hakim boleh memerintahkan bahawa kehilangan suratcara itu hendaklah tidak dimajukan, dengan syarat suatu tanggung rugi diberikan sehingga memuaskan hati mahkamah atau hakim terhadap tuntutan mana-mana orang lain atas suratcara berkenaan.

Guaman atas bil yang hilang.

### Bil dalam suatu set

71. (1) Jika suatu bil disediakan dalam suatu set, setiap bahagian dari set itu dinomborkan, dan mengandungi suatu rujukan kepada bahagian-bahagian lain, kesemua bahagian menjadi satu bil.

Aturan-aturan mengenai set.

(2) Jika pemegang suatu set mengindors dua bahagian atau lebih kepada berlainan orang, dia adalah bertanggung atas setiap bahagian itu, dan tiap-tiap pengindors berikutan dengannya adalah bertanggung atas bahagian yang telah diindorsnya sendiri seolah-olah bahagian-bahagian itu adalah bil-bil yang berasingan.

(3) Jika dua bahagian atau lebih dari suatu set diniagakan kepada pemegang-pemegang selanjutnya yang berlainan, pemegang yang hakmiliknya mula-mula terakru adalah di antara pemegang-pemegang itu dianggap pemilik sebenar bil itu ; tetapi tiada sebarang apapun dalam ceraihan ini boleh menyentuh hak-hak seseorang yang selanjutnya menerima atau membayar bahagian yang mula-mula dikemukakan kepadanya.

(4) Penerimaan boleh ditulis dalam mana-mana bahagian, dan ia mestilah ditulis dalam satu bahagian sahaja. Jika pesuruh bayar menerima lebih dari satu bahagian, dan bahagian-bahagian yang diterima itu berada dalam tangan pemegang-pemegang selanjutnya yang berlainan, dia adalah bertanggung atas setiap bahagian itu seolah-olah ia adalah suatu bil yang berasingan.

(5) Apabila penerima suatu bil yang disediakan dalam suatu set membayarnya tanpa menghendaki supaya bahagian yang menunjukkan penerimaannya diserahkan kepadanya, dan bahagian itu pada kematangan masih belum dilunaskan dalam tangan seseorang pemegang selanjutnya, dia adalah bertanggung terhadap pemegangnya.

(6) Tertakluk kepada aturan-aturan yang terdahulu, jika mana-mana satu bahagian suatu bil yang disediakan dalam suatu set dilepaskan dengan pembayaran ataupun dengan cara lain, keseluruhan bil itu adalah dilepaskan.

#### Percanggahan undang-undang

Aturan-aturan jika undang-undang bercanggah.

72. Jika suatu bil yang disediakan di sebuah negara diniagakan, diterima atau kena dibayar di sebuah negara lain, hak, kewajipan dan liabiliti pihak-pihak kepadanya adalah ditentukan seperti berikut :

- (a) kesahan suatu bil berhubung dengan perlunya mengikut bentuk adalah ditentukan oleh undang-undang tempat ia dikeluarkan, dan kesahan berhubung dengan perlunya mengikut bentuk kontrak-kontrak yang berikutan dengannya, misalnya penerimaan, pengindorsan atau penerimaan selepas protes, adalah ditentukan oleh undang-undang tempat di mana kontrak itu dibuat :

Dengan syarat bahawa —

- (i) jika suatu bil dikeluarkan di luar Brunei tidaklah tak sah hanya dengan sebab bahawa ia tidak disetamkan menurut undang-undang tempat ia dikeluarkan ;
  - (ii) jika suatu bil, yang dikeluarkan di luar Brunei, menepati, berhubung dengan perlunya mengikut bentuk, dengan undang-undang Brunei, ia boleh, bagi maksud menguatkuasakan pembayarannya, disifatkan sebagai sah di antara semua orang yang meniagakan, memegang atau menjadi pihak-pihak kepadanya di Brunei ;
- (b) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, tafsiran penyediaan, pengindorsan, penerimaan atau penerimaan selepas protes suatu bil, adalah ditentukan oleh undang-undang tempat di mana kontrak itu dibuat :

Dengan syarat bahawa jika suatu bil dalam negeri diindors di sesebuah negara asing, pengindorsan itu hendaklah, berhubung dengan pembayar, ditafsirkan mengikut undang-undang Brunei ;

- (c) kewajipan-kewajipan pemegang berkenaan dengan pengemukaan bagi penerimaan atau pembayaran dan perlunya atau cukupnya suatu protes atau notis tak layan, ataupun dengan cara lain, adalah ditentukan oleh undang-undang tempat di mana perbuatan itu dilakukan atau bil itu tidak dilayan ;

- (d) jika bil itu disediakan di luar tetapi kena dibayar di Brunei dan jumlah wang yang kena dibayar tidak dinyatakan dalam matawang Brunei, amaun itu hendaklah, sekiranya tidak ada sesuatu penetapan yang nyata, dikira mengikut kadar pertukaran bagi draf nampak di tempat pembayaran pada hari bil itu kena dibayar ;
- (e) jika suatu bil disediakan di sebuah negara dan kena dibayar di sebuah negara lain, tarikh matangnya adalah ditentukan mengikut undang-undang tempat di mana ia kena dibayar.

### BAHAGIAN III

#### CEK KEPADA SESEORANG JURUBANK

73. (1) Suatu cek adalah bil pertukaran yang disediakan kepada seseorang jurubank yang kena dibayar atas permintaan. Cek ditakrifkan.
- (2) Tertakluk kepada Bahagian ini, peruntukan-peruntukan Perintah ini yang boleh dikenakan kepada suatu bil pertukaran yang kena dibayar atas permintaan dikenakan kepada suatu cek.
74. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini — Pengemukaan cek bagi pembayaran.
- (a) jika suatu cek tidak dikemukakan bagi pembayaran dalam masa yang munasabah dari pengeluarannya, dan penyuruh bayar atau orang yang atas akaunnya ia disediakan mempunyai hak pada masa pengemukaan itu di antaranya dan jurubank supaya cek itu dibayar dan mengalami kerugian sebenar kerana kelewatan, dia adalah dilepaskan setakat kerugian itu, iaitu, setakat mana penyuruh bayar atau orang itu adalah pemiutang jurubank itu dengan suatu amaun yang lebih besar dari yang dia sepatutnya, sekiranya cek itu dibayar.
  - (b) dalam menentukan berapakah masa yang munasabah, perhatian hendaklah diambil terhadap jenis suratcara itu, kelaziman perdagangan dan mengenai juru-jurubank, dan fakta-fakta mengenai kes tertentu ;
  - (c) pemegang cek itu yang mengenainya penyuruh bayar atau orang itu dilepaskan adalah pemiutang, sebagai ganti penyuruh bayar atau orang itu, jurubank itu setakat pelepasan itu, dan berhak untuk mendapatkan kembali amaun itu daripadanya.
75. Kewajipan dan autoriti seseorang jurubank untuk membayar suatu cek yang disediakan kepadanya oleh pelanggannya adalah ditentukan oleh — Pembatalan autoriti jurubank.
- (a) pembatalan pembayaran ;
  - (b) notis kematian pelanggan.

Cek berpalang

Palang am dan khas ditakrifkan.

76. (1) Jika suatu cek mempunyai melintang permukaannya suatu tambahan —

- (a) perkataan-perkataan "dan rakan" atau sebarang singkatannya antara dua garisan selari yang melintang, sama ada dengan atau tanpa perkataan-perkataan "tidak boleh diniagakan"; atau
- (b) dua garisan selari yang melintang hanya, sama ada dengan atau tanpa perkataan-perkataan "tidak boleh diniagakan",

maka tambahan itu menjadi suatu palang, dan cek itu dipalang pada amnya.

(2) Jika suatu cek mempunyai melintang permukaannya suatu tambahan nama seseorang jurubank, sama ada dengan atau tanpa perkataan-perkataan "tidak boleh diniagakan", maka tambahan itu menjadi suatu palang, dan cek itu dipalang secara khas dan kepada jurubank itu.

Palang oleh penyuruh bayar atau selepas pengeluaran.

77. (1) Suatu cek boleh dipalang pada amnya atau secara khas oleh penyuruh bayar.

(2) Jika suatu cek adalah tanpa palang, pemegang boleh memalangnya pada amnya atau secara khas.

(3) Jika suatu cek dipalang pada amnya, pemegang boleh memalangnya secara khas.

(4) Jika suatu cek dipalang pada amnya atau secara khas, pemegang boleh menambah perkataan-perkataan "tidak boleh diniagakan".

(5) Jika suatu cek dipalang secara khas, jurubank yang kepadanya ia dipalang boleh memalangnya sekali lagi khas untuk jurubank lain untuk pungutan.

(6) Jika suatu cek tanpa palang, atau suatu cek yang dipalang pada amnya, dihantar kepada seseorang jurubank untuk pungutan, dia boleh memalangnya khas untuknya.

Palang suatu bahagian cek yang mustahak.

78. Suatu palang yang dibenarkan oleh Perintah ini adalah suatu bahagian cek yang mustahak ; maka tidaklah sah bagi mana-mana orang untuk memadam atau, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Perintah ini, untuk menambah atau mengubah palang itu.

Kewajipan-kewajipan jurubank tentang cek berpalang.

79. (1) Jika suatu cek dipalang secara khas kepada lebih daripada seorang jurubank, kecuali apabila dipalang kepada seseorang agen untuk pungutan sebagai seorang jurubank, jurubank yang kepadanya ia disediakan hendaklah menolak pembayarannya.

(2) Jika jurubank yang kepadanya suatu cek disediakan yang dipalang itu walaupun demikian membayarnya, atau membayar suatu cek yang dipalang pada amnya melainkan kepada seseorang jurubank, atau jika dipalang secara khas melainkan kepada jurubank yang kepadanya ia dipalang, atau agennya untuk pungutan sebagai seorang jurubank, dia adalah bertanggung terhadap pemilik sebenar cek itu atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggungnya kerana cek itu telah dibayar demikian :

Dengan syarat bahawa jika suatu cek dikemukakan bagi pembayaran yang pada masa pengemukaannya ternyata tidak dipalang, atau ada mempunyai suatu palang yang telah dipadam, atau telah ditambah atau diubah melainkan sebagaimana yang dibenarkan oleh Perintah ini, jurubank yang membayar cek itu dengan suci hati dan tanpa kecuaiannya hendaklah tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti, dan juga pembayaran itu hendaklah tidak dipersoalkan dengan sebab cek itu telah dipalang, atau palangnya telah dipadam atau telah ditambah atau diubah melainkan sebagaimana yang dibenarkan oleh Perintah ini, dan pembayaran telah dibuat melainkan kepada seseorang jurubank atau kepada jurubank yang kepadanya cek itu dipalang atau telah dipalang, atau kepada agennya untuk pungutan sebagai seorang jurubank, mengikut mana yang berkenaan.

80. Jika jurubank, yang kepadanya suatu cek berpalang disediakan, dengan suci hati dan tanpa kecuaiannya membayarnya, jika dipalang pada amnya, kepada seseorang jurubank, dan jika dipalang secara khas, kepada jurubank yang kepadanya ia dipalang, atau agennya untuk pungutan, sebagai seorang jurubank, jurubank yang membayar cek itu dan, jika cek itu berada dalam tangan penerima, penyuruh-bayar, hendaklah masing-masing berhak mendapat hak-hak yang sama dan diletakkan dalam kedudukan yang sama seolah-olah pembayaran cek itu telah dibuat kepada pemiliknya yang sebenar.

Perlindungan kepada jurubank dan penyuruh bayar jika cek dipalang.

81. Jika seseorang mengambil suatu cek berpalang yang mempunyai di atasnya perkataan-perkataan "tidak boleh diniagakan", dia tidaklah mempunyai dan tidaklah boleh memberi hakmilik yang lebih baik terhadap cek itu dari hakmilik yang dipunyai oleh orang yang daripadanya dia mengambilnya.

Kesan palang "tidak boleh diniagakan" kepada pemegang.

**Peruntukan-peruntukan khas  
berkenaan dengan pengindorsan, dsb.**

82. (1) Jika seseorang jurubank dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa perniagaan membayar suatu cek yang disediakan kepadanya yang tidak diindors atau diindors tidak mengikut aturan, dia tidak akan, dalam berbuat demikian, menanggung sebarang liabiliti hanya dengan sebab ketiadaan, atau ketakteraturan, pengindorsan, dan dia dianggap telah membayar cek itu selanjutnya.

Perlindungan jurubank yang membayar cek yang tidak diindors atau yang diindors tidak mengikut aturan, dsb.

(2) Jika seseorang jurubank dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa perniagaan membayar sebarang suratcara itu seperti berikut :

- (a) suatu dokumen yang dikeluarkan oleh seseorang pelanggannya yang, walaupun bukan suatu bil pertukaran, dimaksudkan untuk membolehkan seseorang mendapatkan pembayaran daripadanya jumlah wang yang disebutkan dalam dokumen itu ;
- (b) suatu draf yang kena dibayar atas permintaan yang disediakan olehnya kepadanya, sama ada kena dibayar di ibupejabat atau suatu pejabat lain banknya,

dia tidak akan, dalam berbuat demikian, menanggung sebarang liabiliti hanya dengan sebab ketiadaan, atau ketakteraturan, pengindorsan dan pembayaran itu melepaskan suratcara itu.

Hak-hak jurubank yang memungut cek yang tidak diindors oleh pemegang.

83. Seseorang jurubank yang memberi nilai bagi, atau mempunyai suatu lien atas, suatu cek yang kena dibayar mengikut perintah yang diserahkan oleh pemegang kepadanya untuk pungutan tanpa mengindorsnya, mempunyai hak-hak (jika ada) yang dia sepatutnya mempunyai jika, apabila diserahkan, pemegang telah mengindorsnya tak lengkap.

Cek yang tidak diindors sebagai keterangan pembayaran.

84. Suatu cek yang tidak diindors yang ternyata telah dibayar oleh jurubank yang kepadanya ia disediakan adalah keterangan penerimaan oleh penerima mengenai jumlah wang yang kena dibayar dengan cek itu.

Perlindungan jurubank yang memungut pembayaran cek, atau suratcara lain yang tertentu.

85. (1) Jika seseorang jurubank, dengan suci hati dan tanpa kecuiaan —

- (a) menerima pembayaran bagi seseorang pelanggan suatu suratcara yang dikenakan dengan bab ini ; atau
- (b) setelah mengkreditkan suatu akaun pelanggan dengan amaun suratcara tersebut, menerima pembayarannya baginya,

dan pelanggan itu tidak mempunyai hakmilik, atau mempunyai suatu hakmilik cacat, terhadap suratcara itu, jurubank itu tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap pemilik sebenar suratcara itu hanya dengan sebab telah menerima pembayarannya.

(2) Bab ini dikenakan kepada suratcara-suratcara yang berikut, iaitu :

- (a) cek ;

- (b) sebarang dokumen yang dikeluarkan oleh seseorang pelanggan jurubank yang, walaupun bukan suatu bil pertukaran, dimaksudkan untuk membolehkan seseorang mendapatkan pembayaran daripada jurubank itu jumlah wang yang disebutkan dalam dokumen itu ; dan
- (c) sebarang draf yang kena dibayar atas permintaan yang disediakan oleh seseorang jurubank kepadanya, sama ada kena dibayar di ibupejabat atau suatu pejabat lain banknya.

(3) Seseorang jurubank tidak akan disifatkan bagi maksud-maksud bab ini sebagai cuai hanya dengan sebab kegagalannya untuk mengaitkan dirinya dengan ketiadaan, atau ketakteraturan, pengindorsan suatu suratcara.

86. Peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan cek berpaling hendaklah, setakat yang boleh dikenakan, berkuatkuasa berhubung dengan suratcara (selain dari cek) yang dikenakan dengan bab 85 sebagaimana ia berkuatkuasa berkenaan dengan cek.

Pengenaan peruntukan-peruntukan tertentu kepada suratcara yang bukan bil pertukaran.

87. Bab-bab 82 hingga 86 tidak menjadikan boleh diniagakan sebarang suratcara yang tidak boleh diniagakan selain dari bab-bab tersebut.

Pengecualian.

#### BAHAGIAN IV NOTA JANJI HUTANG

88. (1) Suatu nota janji hutang adalah janji tanpa syarat secara bertulis yang dibuat oleh seorang kepada seorang lain yang ditan-datangani oleh pembuat, dengan berjanji untuk membayar, atas permintaan atau pada suatu masa depan yang ditetapkan atau boleh ditentukan, suatu jumlah yang tentunya dengan wang kepada, atau mengikut perintah, orang tertentu atau kepada pembawa.

Nota janji hutang ditakrifkan.

(2) Suatu suratcara dalam bentuk nota yang kena dibayar mengikut perintah pembuat adalah bukan nota dalam makna bab ini melainkan jika ia diindors oleh pembuat.

(3) Suatu nota tidaklah tak sah hanya dengan sebab bahawa ia juga mengandungi suatu sandaran jaminan kolateral dengan autoriti untuk menjual atau melupuskannya.

(4) Suatu nota yang, atau pada permukaannya dikatakan sebagai, dibuat dan juga kena dibayar di dalam Brunei adalah nota dalam negeri. Sebarang nota lain adalah nota asing.

- Penyerahan adalah perlu. 89. Suatu nota janji hutang adalah belum matang dan tak lengkap sehingga penyerahannya kepada penerima atau pembawa.
- Nota bersama dan berasingan. 90. (1) Suatu nota janji hutang boleh dibuat oleh dua pembuat atau lebih, dan mereka mungkin bertanggung atasnya secara berse sama, atau secara berse sama dan berasingan, mengikut maksudnya.
- (2) Jika suatu nota memasukkan "Saya berjanji untuk membayar" dan ditandatangani oleh dua orang atau lebih maka ia dianggap sebagai nota bersama dan berasingan mereka.
- Nota kena dibayar atas permintaan. 91. (1) Jika suatu nota yang kena dibayar atas permintaan telah diindors, ia mestilah dikemukakan bagi pembayaran dalam masa yang munasabah dari pengindorsannya. Jika ia tidak dikemukakan demikian, pengindors adalah dilepaskan.
- (2) Dalam menentukan berapakah masa yang munasabah, perhatian hendaklah diambil terhadap jenis suratcara, kelaziman perdagangan, dan fakta-fakta mengenai kes tertentu.
- (3) Jika suatu nota yang kena dibayar atas permintaan diniagakan, ia tidak dianggap sebagai lampau tempoh, bagi maksud menyentuh pemegang dengan kecacatan hakmilik di mana dia tidak memperhatikannya, dengan sebab ternyata bahawa masa yang munasabah bagi mengemukakannya, untuk pembayaran telah luput sejak pengeluarannya.
- Pengemukaan nota bagi pembayaran. 92. (1) Jika suatu nota janji hutang pada isi kandungannya dibuat kena dibayar di suatu tempat tertentu, ia mestilah dikemukakan bagi pembayaran di tempat itu bagi menjadikan pembuat bertanggung. Dalam sebarang hal lain, pengemukaan bagi pembayaran adalah tidak perlu bagi menjadikan pembuat bertanggung.
- (2) Pengemukaan bagi pembayaran adalah perlu untuk menjadikan pengindors suatu nota bertanggung.
- (3) Jika suatu nota pada isi kandungannya dibuat kena dibayar di suatu tempat tertentu, pengemukaan di tempat itu adalah perlu bagi menjadikan seseorang pengindors bertanggung ; tetapi apabila suatu tempat pembayaran dinyatakan dengan cara memorandam sahaja, pengemukaan di tempat itu adalah mencukupi bagi menjadikan pengindors itu bertanggung, tetapi suatu pengemukaan kepada pembuat di tempat lain, jika memadai dalam hal-hal lain, adalah juga mencukupi.
- Liabiliti pembuat. 93. Pembuat suatu nota janji hutang dengan membuatnya —
- (a) berjanji bahawa dia akan membayarnya mengikut maksudnya ;
- (b) adalah dicegah dari menafikan kepada seseorang pemegang selanjutnya kewujudan penerima dan keupayaannya pada masa itu untuk mengindors.

94. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, dan kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan oleh bab ini, peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan bil-bil pertukaran adalah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada nota janji hutang.

Pengenaan  
Bahagian II  
kepada nota.

(2) Dalam mengenakan peruntukan-peruntukan tersebut, pembuat suatu nota hendaklah dianggap sama dengan penerima suatu bil, dan pengindors pertama suatu nota hendaklah dianggap sama dengan penyuruh bayar suatu bil yang diterima yang kena dibayar mengikut perintah penyuruh bayar.

(3) Peruntukan-peruntukan yang berikut mengenai bil tidak dikenakan kepada nota, iaitu, peruntukan-peruntukan berkenaan dengan :

- (a) pengemukaan bagi penerimaan ;
- (b) penerimaan ;
- (c) penerimaan selepas protes ;
- (d) bil-bil dalam suatu set.

(4) Jika suatu nota asing tidak dilayan, protes mengenainya adalah tidak perlu.

## BAHAGIAN V

### TAMBAHAN

95. Suatu perkara dianggap sebagai dilakukan dengan suci hati, dalam makna Perintah ini, jika ia sebenarnya dilakukan dengan jujur, sama ada ia dilakukan dengan cuai atau tidak.

Suci hati.

96. (1) Jika, menurut Perintah ini, sebarang suratcara atau tulisan dikehendaki untuk ditandatangani oleh mana-mana orang, adalah tidak perlu supaya dia seharusnya menandatangani dengan tandatangannya sendiri, tetapi adalah mencukupi jika tandatangannya ditulis di atasnya oleh orang lain dengan atau di bawah autoritinya.

Tandatangan.

(2) Dalam hal suatu pertubuhan perbadanan jika, menurut Perintah ini, sebarang suratcara atau tulisan dikehendaki untuk ditandatangani, adalah mencukupi jika suratcara atau tulisan itu dimeterai dengan meterai perbadanan itu. Tetapi tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki supaya bil atau nota suatu pertubuhan perbadanan dimeterai.

97. (1) Jika, menurut Perintah ini, masa yang dihadkan untuk melakukan sebarang perbuatan atau perkara adalah kurang dari 3 hari, dalam mengira masa hari bukan perniagaan hendaklah tidak dimasukkan.

Pengiraan  
masa.

(2) "Hari bukan perniagaan" bagi maksud-maksud Perintah ini bermakna —

- (a) hari kelepasan bank ;
- (b) hari kelepasan awam ; dan
- (c) dalam hal bil-bil selain dari bil-bil Brunei atau bil-bil yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan (i) proviso kepada bab 14(a), hari Sabtu.

(3) Sebarang hari lain adalah hari perniagaan.

Apabila mencatat sama dengan protes.

98. Bagi maksud-maksud Perintah ini, jika suatu bil atau nota dikehendaki untuk diprotes dalam masa tertentu atau sebelum sesuatu prosiding lanjut diambil, adalah mencukupi bahawa bil itu telah dicatat untuk protes sebelum tamat tempoh masa tertentu atau pengambilan prosiding itu ; dan protes rasmi boleh dilanjutkan pada bila-bila masa selepas itu mulai dari tarikh mencatat.

Protes apabila notari tidak dapat diperolehi.

99. (1) Jika suatu bil tak layan atau nota dibenarkan atau dikehendaki untuk diprotes, dan perkhidmatan notari tidak dapat diperolehi di tempat di mana bil itu tidak dilayan, mana-mana majistret boleh memberi suatu perakuan yang ditandatangani dan dimeterai olehnya, dengan mengakusaksi bil yang tidak dilayan itu, dan perakuan itu hendaklah dalam semua hal berkuatkuasa seolah-olah ia adalah protes rasmi bil itu.

(2) Mana-mana majistret yang bertindak di bawah cerai (1) hendaklah, setakat yang boleh, dipandu dengan sebarang aturan yang mempunyai kuatkuasa undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu yang mungkin telah diisytiharkan untuk panduan notari-notari awam.

(3) Menteri boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan bayaran yang kena dibayar atas pengeluaran perakuan-perakuan di bawah cerai (1), dan boleh mengikut cara yang sama menetapkan bentuk perakuan-perakuan itu.

Waran dividen dan draf jurubank boleh dipalang.

100. Peruntukan-peruntukan Perintah ini mengenai cek berpaling hendaklah dikenakan kepada suatu waran bagi pembayaran dividen dan kepada draf jurubank.

Pengecualian.

101. (1) Aturan-aturan dalam kebangkrapan berkenaan dengan bil pertukaran, nota janji hutang dan cek hendaklah terus dikenakan kepadanya dengan tidak menghiraukan apa-apa juapun dalam Perintah ini.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu, aturan-aturan common law, termasuk undang-undang pedagang, hendaklah, kecuali setakat yang ia berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini yang nyata, dikenakan kepada bil pertukaran, nota janji hutang dan cek.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menyentuh —

- (a) peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan hasil ;
- (b) peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan bank-bank atau syarikat-syarikat saham bersama ;
- (c) kesahan sebarang kegunaan berkenaan dengan waran dividen, atau pengindorsannya.

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Mei, 1994 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.